POLISI SALAH GUNA DADAH DAN ALKOHOL

1. Objektif

Objektif Polisi Salah Guna Dadah dan Alkohol adalah untuk memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat, sihat dan produktif. Polisi ini merangkumi penggunaan dan salah guna (termasuk memiliki, mengedar atau menjual) minuman beralkohol atau dadah di tempat kerja dan salah guna (termasuk menjual, memiliki dan mengedar) dadah, termasuk dadah berbahaya. Ia memberi garis panduan untuk prosedur dan asas untuk sebarang tindakan disiplin apabila berlaku perlanggaran polisi. Walaupun polisi ini hanya menyebut alkohol dan dadah, ia juga merangkumi semua jenis salah guna bahan terlarang.

2. Peruntukan Am

Syarikat percaya bahawa pengunaan dan salah guna dadah dan alkohol akan menjejaskan keupayaan individu untuk melaksanakan tugas mereka dan memberi kesan buruk ke atas keselamatan, kecekapan dan produktiviti.

Polisi Alkohol – Syarikat amat melarang sebarang penggunaan, pemilikan, pengedaran atau penjualan minuman beralkohol di semua lokasi kerja Syarikat. Pekerja yang tidak mampu melaksanakan kerja secara selamat dan seperti sepatutnya disebabkan pengaruh alkohol boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk dibuang kerja. Para pekerja tidak dibenarkan untuk memandu atau mengendali kenderaan atau jentera syarikat semasa berada di bawah pengaruh alkohol.

Polisi Dadah – Syarikat amat melarang penggunaan dan memiliki, atau mengedar dadah. Semua pekerja tidak boleh berada di bawah pengaruh dadah atau membawa dadah tersebut ke dalam premis Syarikat atau tempat kerja. Pelanggaran polisi ini boleh dikenakan tindakan disiplin termasuk dibuang kerja

Bersandarkan kepada kedua-dua polisi ini, Syarikat akan memilih beberapa jawatan sebagai jawatan terpilih dari masa ke semasa. Mana-mana pekerja yang pernah atau didapati mempunyai masalah berkaitan alkohol atau dadah tidak akan dibenarkan untuk mengisi jawatan tersebut.

Pekerja kontraktor, pengangkutan umum dan vendor juga terangkum di dalam semua peruntukan polisi ini, kecuali yang berkaitan dengan pemulihan.

3. Pemeriksaan Alkohol dan Dadah

Syarikat berhak untuk memeriksa mana-mana pekerja dan/atau barang peribadinya di dalam lokasi tempat kerja demi melaksanakan objektif polisi ini. Keengganan untuk menyerah kepada pemeriksaan ini adalah satu pelanggaran polisi dan pekerja boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk dibuang kerja.

4. Pemulihan

Syarikat mengakui bahawa ketagihan alkohol dan dadah adalah keadaan yang boleh dipulihkan. Mana-mana pekerja yang mempunyai masalah ketagihan alkohol atau dadah yang meminta bantuan perubatan secara sukarela adalah layak menerima rawatan bantuan daripada Syarikat, termasuk masa rehat rasmi untuk pemulihan, seperti yang diperuntukkan oleh polisi ini. Untuk sebarang keadaan, seorang pekerja yang pernah atau masih mempunyai masalah berkaitan alkohol atau dadah atau menyertai program pemulihan adalah tidak dibenarkan untuk menjawat jawatan terpilih. Mana-mana pekerja yang kembali dari pemulihan akan diwajibkan untuk menyertai program jagaan – susulan yang diluluskan Syarikat.

5. Ujian Alkohol dan Dadah terhadap Pekerja

Syarikat berhak menyuruh pekerja menjalani penilaian perubatan berkaitan ujian alkohol dan dadah. Cara dan kaedah ujian tersebut akan ditentukan oleh Syarikat. Ujian tanpa pengumuman berkala atau ujian secara rawak boleh dilakukan ke atas pekerja mengikut keperluan Syarikat dari masa ke semasa.

6. Pelanggaran polisi

Mana-mana pekerja yang didapati melanggar sebarang peruntukan polisi ini boleh dikenakan tindakan disiplin, termasuk dibuang kerja.

.....

Dato' Aziz Ayob
Chief Executive Officer
Dimension Bid (M) Sdn Bhd
8th January 2014